

28/02/2005

Amanat Presiden menuntut perubahan sikap Melayu

Oleh Syed Hamid Albar

SABTU, 5 Februari 2005 menjadi tarikh yang tidak mudah untuk dilupakan. Majlis yang dianjurkan oleh Biro Penerangan Umno Malaysia bertujuan mendengar Amanat Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, mengenai arah tuju Umno. Ia dihadiri semua pemegang jawatan bahagian Umno dari seluruh negara.

Objektif utama perjumpaan ini tercapai apabila Presiden berjaya memaklumkan kepada ahli parti mengenai pendirian dan pandangannya mengenai isu-isu semasa, langkah serta tindakan parti dan kerajaan dalam menanganinya.

Pertemuan sebegini bukanlah sesuatu yang luar biasa bagi Umno. Adalah diharapkan inti pati dan mesej yang disampaikan pada majlis berkenaan adalah bekalan untuk pimpinan parti pada peringkat bahagian gunakan bagi manfaat ahli dan untuk menjawab tohmahan parti lawan.

Beliau menjelaskan kepada ahli parti pendirian kerajaan dan parti mengenai isu yang sering timbul pada peringkat akar umbi. Dengan memikirkan maklumat terkini sesi taklimat ini juga berupaya menjana jentera parti untuk bergerak lebih cergas.

Pada masa yang sama ia juga berjaya merapatkan lagi hubungan antara pimpinan Bahagian dengan pucuk pimpinan tertinggi parti.

Presiden menyentuh pelbagai tajuk yang dianggapnya penting untuk menentukan Umno terus luhur dan kuat. Secara terbuka dan berterus-terang beliau menggaris isu dan masalah yang perlu diatasi oleh Umno dan orang Melayu.

Mungkin ahli tidak menjangkakan presiden secara telus akan meluahkan apa yang ada di dalam fikiran dan lubuk hatinya. Daripada wajah dan sambutan serta tumpuan yang diberikan kepada setiap saranannya mereka nampaknya bersungguh-sungguh mahu menghayati ucapan Presiden.

Sebagai amanat, ucapan beliau haruslah digunakan sebagai pedoman dan panduan dalam mengurus tadbir Umno pada peringkat bahagian. Apa yang ketara ialah beliau tidak menyembunyikan perasaan dan kekecewaannya ketika memberikan pendapatnya.

Ada masa kita dapat rasa marahnya tetapi disampaikan dengan ramah budi bahasa. Jelas sekali signifikan amanat ini adalah berkesan dan tersemat di dalam hati ahli parti.

Beliau menggesa pimpinan bahagian untuk membuat anjakan paradigma kepada tindakan dan sikap ahli dalam mengendalikan perjuangan Umno pada peringkat akar umbi. Jika setiap ahli Umno dapat menganalisis dan berfikir mengenai isi kandungan amanat itu dengan teliti dan serius yang disampaikan selama lebih kurang dua jam tiga puluh lima minit itu, sudah tentu akan berakhir apa juga pergolakan sia-sia yang wujud di dalam Umno.

Sekali gus ia akan membolehkan kita memberikan segala usaha dan masa yang ada untuk memupuk perpaduan yang lebih mantap dan jitu antara pucuk pimpinan dengan ahli parti.

Mesej yang disampaikan memerlukan komitmen serta sambutan yang tidak berbelah bagi daripada ahli parti. Beliau tidak langsung merujuk kepada apa-apa nota dan kita dapat berasakan yang datang dari hatinya yang ikhlas.

Subjek yang diutarakannya memang beliau amat faham dan menghayatinya. Sebagai pemimpin, kasih kepada parti dan bangsa mendorong beliau mengambil pendekatan kritikal kepada apa yang dilihatnya sebagai kelemahan yang perlu diatasi oleh Umno.

Keinginannya memartabatkan bangsa Melayu melalui wadah Umno, tidak akan berjaya selagi kita dilanda unsur negatif dan melakukan kerja yang tidak berfaedah.

Beliau memulakan ucapannya dengan menyebut dirinya hanya sebagai Pak Lah. Panggilan Pak Lah sekarang melekat dipakai di dalam dan di luar negara, sama ada oleh orang awam ataupun pegawai kerajaan. Tidak timbul jurang di antaranya dalam kerajaan dengan ahli parti dan rakyat jelata.

Beliau amat gembira sekali menjelaskan pertemuan ini memberikannya peluang untuk bercakap secara langsung kepada ahli parti. Pada masa yang sama ia juga membolehkannya menjawab beberapa kekeliruan yang timbul ataupun kritikan yang dibangkitkan ke atas pimpinannya. Beliau meminta peserta memberi perhatian kepada apa yang diperkatakannya.

Selepas membuka dengan mukadimah pendek beliau menggariskan dengan panjang lebar mengenai soal penting yang harus diketahui dan diberi perhatian oleh ahli parti.

Dari awal lagi beliau tekankan untuk melihat Umno menjadi 'motivator' kepada perubahan sikap dan minda bangsa Melayu. Beliau menyentuh satu demi satu topik yang relevan untuk ahli parti fahami dan mengetahui. Dari dasar parti ke dasar kerajaan beliau membentangkannya dengan panjang lebar.

Beliau memperincikan pendekatan dasar pertaniannya, prestasi ekonomi negara, kedudukan kontraktor Bumiputera, pembangunan wilayah yang tidak seimbang, cita-citanya untuk membina keupayaan tenaga manusia di kalangan negara Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) dan di kalangan negara membangun. Seterusnya kemahuan beliau melahirkan kaum Bumiputera yang menguasai ilmu khususnya dalam bidang sains dan teknologi.

Beliau menekankan jika bangsa Melayu mahu memastikan kejayaan, kita mesti memiliki sistem nilai yang tepat dan progresif. Kemudian beliau membincangkan apa yang dimaksudkan dengan Islam Hadhari.

Beliau marah kepada golongan yang cuba memutarbelitkan apa yang di maksudkan dengan pendekatan itu. Secara tegas beliau menyatakan Islam Hadhari bukanlah satu agama atau pegangan baru ataupun mazhab baru.

Ia adalah satu pendekatan yang tidak bertentangan dengan al-Quran ataupun Sunnah Nabi. Pendekatannya berasaskan ketamadunan dan mengambil kira persekitaran semasa. Oleh itu jika digunakan dengan baik ia mampu memperkasakan umat Islam. Bagi menentukan ia akan tercapai Umno, sebagai motivator atau penggerak mesti mengambil daya usaha untuk membawa bangsa Melayu membuat perubahan sikap dan minda.

Tujuan murni beliau adalah untuk melonjakkan kedudukan agama dan bangsa supaya yakin dan berupaya berdepan dengan tuntutan baru masyarakat rantau dan antarabangsa. Perkara itu bukanlah sesuatu yang mustahil.

Bagaimanapun satu prasyarat utama ialah kita mesti berhenti membabitkan diri dengan pembaziran masa ataupun perkara yang boleh memusnahkan kita sama sendiri. Beliau menyeru orang Melayu hentikan kegiatan tidak bermanfaat dan merugikan.

Bangsa Melayu boleh menjadi bangsa yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Kata-katanya dirafakkan dengan gaya yang bersungguh-sungguh dan hati yang tulus ikhlas. Mereka yang mendengar terpegun, kagum dan suasana tenang, khusyuk, menyelubungi dewan Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Semua yang hadir memberi tumpuan sepenuhnya kepada apa yang dimajukannya sebagai visi untuk membina nilai yang tepat dengan kehendak masa. Memanglah pada masa dan saat ini, kita cukup berpuas hati dan selesa dengan pencapaian luar biasa kita dalam pilihan raya umum baru-baru ini.

Beliau mengingatkan ahli parti dan bangsa Melayu supaya tidak terlalai. Kita memerlukan satu perubahan dan tindakan yang radikal bagi menjangkau

ke tahap yang lebih tinggi.

Beliau menyebut dan mengingatkan peserta bagaimana pada masa lampau bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, merayu menitikkan air mata dan berdoa pada perhimpunan agung Umno semoga orang Melayu berubah supaya kita menjadi bangsa yang berjaya dan maju.

Akhirnya Dr Mahathir melafazkan kekecewaannya kerana gagal membuat perubahan kepada bangsa Melayu. Sebagai pemimpin yang mengambil alih pimpinan Dr Mahathir, Presiden bertujuan menjadikan agenda utamanya untuk mengubah sikap dan minda orang Melayu dalam dunia yang serba mencabar ini. Ini memerlukan Umno bergerak seiring dengan aspirasi dan cita-citanya.

Ada masanya terdengar dewan digegarkan dengan gelak ketawa bila beliau secara bersahaja menyebut sesuatu dengan seloka jenaka ketika membuat teguran kepada telatah dan perangai ahli yang merugikan parti.

Mereka sedar bahawa apa yang disebut oleh presiden memang benar berlaku dan dirasai kebenarannya. Ini bukan amanat umum tetapi di sebaliknya beliau memperincikan gagasan dan harapannya untuk parti Umno membuat anjakan bagi memartabatkan bangsa dengan menyatakan yang beliau hendak lahirkan adalah Towering Malay seperti tersergamnya Menara Berkembar Petronas' Kuala Lumpur.

Dalam lain perkataan satu bangsa yang unggul dan terbilang dalam ketahanan dan keupayaan untuk bersaing di kalangan masyarakat global. Beliau tidak mahu bangsa Melayu yang berada di depan dalam semua perkara yang dikaitkan dengan sesuatu yang negatif. Pandangannya boleh dikatakan berani dan tegas.

Ramai di kalangan kita suka membuat perbandingan bila saja ada peralihan pucuk pimpinan parti. Namun hakikatnya tidak ada seorang pemimpin pun yang boleh sama di antara satu sama lain. Setiap pemimpin memiliki gaya dan caranya tersendiri.

Apa yang perlu dan penting ialah bagaimana seseorang pemimpin membawa penerusan wadah perjuangan Umno.

Beliau menyatakan tahu ada orang kata "Pak Lah lembik, tidak tegas dan bermacam-macam lagi". Jarang sekali kita mendengar seorang pemimpin mengulangi apa yang pernah dikatakan orang mengenai dirinya dengan terus terang.

Beliau tidak langsung menunjukkan yang dia berasa tersinggung dengan kata-kata orang terhadap dirinya. Bahkan beliau dengan tenang dan sabar menyatakan ini gilirannya pula untuk 'tabur' ahli parti pula. Kini katanya dia akan memberi jawapan dan dia berharap ahli Umno mendengarnya dengan penuh teliti.

Beliau dengan berterus terang meminta ahli Umno berhenti tabiat suka memburukkan orang lain, membuang masa mengata, memfitnah antara satu sama lain.

Mereka lakukan ini tidak kira di mana mereka berada. Ketika berada di Makkah, bercerita berkenaan politik dan menghantar khidmat pesanan ringkas (SMS) yang memburukkan orang. Ketika menziarah jenazah pun sibuk berbual pasal orang lain.

Di coffee house juga tidak sunyi membicarakan politik dan kisah orang, ini dan itu. Membuat surat layang dan menabur fitnah juga sering berlaku. Kita melakukan walaupun bertentangan dengan ajaran agama. Hadirin cepat menyambutnya dengan ketawa dan tepukan gemuruh. Ini seolah-olah mereka mengesahkan apa yang dikatakannya adalah benar dan memang betul diamalkan.

Istimewanya, beliau tidak berselindung dalam menyebutkan soal itu. Beliau terus menyeru supaya ahli Umno berhenti daripada berbuat perkara yang tidak berfaedah dan buang masa.

Beliau mahu politik yang melampau pada sepanjang masa sehingga terlupa pada amanah dan tanggungjawab kepada agama dan bangsa,

dihentikan. Beliau mengingatkan ahli Umno terhadap tanggungjawab kita semua secara bersama untuk memenuhi Agenda Melayu. Tugas kita adalah bagi memperkasakan umat Melayu dalam semua bidang.

Modal manusia sebagai aset terpenting untuk mencapai tahap manusia yang berkeupayaan, bermaruah serta dihormati seharusnya menjadi landasan bagi mencapai kejayaan yang ulung.

Untuk memastikan modal manusia ini terbentuk, Umno mestilah memainkan peranan sebagai penggerak atau seperti dikatakannya As the motivator of the human capital.

Beliau berasakan setakat ini Umno belum berjaya membuat perubahan kepada sikap dan minda bangsa. Oleh itu Umno hendaklah memberikan tumpuan kepada kerja bermanfaat. Dalam kata lain beliau inginkan perubahan untuk memperkasakan bangsa Melayu dimula dan digerakkan oleh Umno.

Tidak perlu bagi ahli Umno untuk terus berpolitiking sepanjang masa. Umno tidak boleh menjadi pemerhati sehingga kita terus ketinggalan dan terkebelakang dalam pelbagai bidang.

Tanpa ragu-ragu beliau menyatakan bahawa hari ini kita berjaya melahirkan prasarana yang serba moden.

Dengan hanya memiliki lebuhraya dan pencakar langit yang tersergam tidak akan menjamin kejayaan seterusnya, jika manusia tidak mempunyai nilai yang baik dan sempurna untuk membina keupayaan berteraskan ilmu.

Justeru itu agendanya yang perlu disambut oleh pemimpin Umno pada semua peringkat ialah menggerakkan jentera parti ke arah perubahan minda dan sikap supaya Melayu boleh menjadi manusia cemerlang, gemilang dan terbilang.

Mereka berasakan kesungguhannya mahu melihat parti yang dipimpinnya menyambut seruan dan saranan itu. Jika kita berharap saja tanpa berusaha kita tidak akan menjanjikan kejayaan.

Keikhlasannya terus terserlah dalam perjumpaan ini, bila beliau meminta ahli Umno tidak membandingkannya dengan Dr Mahathir kerana beliau bukan Dr Mahathir dan jangan pula cuba melaga-lagakannya dengan Dr Mahathir.

Beliau mungkin sedar perkara itu memang ada berlaku. Ahli Umno dikehendaki menerimanya sebagai Pak Lah yang mempunyai gaya kepemimpinan yang tersendiri. Caranya yang mesra dan rajin bersalaman dengan semua orang dan rakyat jelata disambut baik oleh semua lapisan masyarakat.

Bahasanya yang lembut ada masanya menyembunyikan ketegasannya. Persamaan di antara dua pemimpin itu ialah, beliau seperti pemimpin Umno sebelumnya mahukan Melayu berjaya dan Agenda Melayu tercapai. Kita perlu berusaha dengan gigih dan tidak berharap sesuatu akan datang bergolek. Kita bertanggungjawab untuk menentukan perubahan berlaku.

Ramai ahli Umno mengetahui presiden parti mereka memiliki kefahaman yang mendalam terhadap agama Islam. Oleh itu bila beliau membincangkan berkenaan agama dan pendekatan Islam Hadhari beliau bercakap melalui pengetahuan dan tidak dari sesuatu yang orang lain jelaskan kepada beliau.

Pegangan beliau yang mahu mendekati Islam melalui pendekatan Hadhari adalah berasaskan penghayatan terhadap isu dan cabaran yang dihadapi oleh umat Islam pada masa ini. Adalah menjadi tanggungjawab umat Islam untuk memaparkan Islam sebenar yang toleran, aman dan harmoni untuk seluruh umat manusia.

Beliau tidak cuba memperkenalkan satu mazhab baru atau agama baru. Agama Islam adalah agama yang berteraskan ilmu dan ketamadunan. Islam juga seperti diterangkannya tidak mengajar umatnya berharap tanpa usaha.

Beliau menerangkan, tidak mencukupi untuk ayat seribu dinar digunakan sebagai azimat, tetapi apa sebenarnya yang terkandung di dalam ayat itu haruslah difahami oleh orang Melayu.

Allah menuntut kita berusaha dengan gigih untuk mencari rezeki melalui usaha kita sendiri. Idea dan ilham juga datangnya daripada Allah sebagai

rezeki dan jika diterjemahkan dalam bentuk usaha bagi mencerna sesuatu yang berfaedah dan mendatangkan manfaat kita akan mencapai matlamat yang kita kehendaki.

Kelihatan beliau tiada masalah untuk mengupas soal agama berlandaskan al-Quran ataupun Sunnah. Rasa tersinggung ditunjukkannya apabila ada pihak yang cuba mengheretnya kepada polemik agama, kononnya beliau cuba memperkenalkan satu pegangan baru atau mazhab baru melalui Islam Hadhari.

Sedangkan niat dan tujuan sebenarnya hanya untuk memperkenalkan pendekatan berasaskan ketamadunan tanpa mengeneipikan al-Quran dan Sunnah Rasulullah saw.

Hanya dengan cara ini dapat kita menunjukkan kekuatan Islam sebagai cara hidup yang sesuai untuk sepanjang zaman. Agama Islam yang kini diperlekehkan oleh pelbagai pihak dengan unsur negatif dapat kita pancarkan semula sebagai agama kemajuan dalam semua aspek hidup pada masa kini ataupun untuk bila-bila masa sekalipun.

Beliau berulang kali menekankan yang Islam adalah agama yang bersendikan toleransi, keharmonian dan pembangunan sejagat menentang keganasan dan menuntut keadilan untuk seluruh umat manusia.

Apa yang hendak dilahirkan adalah manusia yang berakhlak dan mengamalkan nilai murni. Apa yang patut kita lakukan ialah menentukan Islam tidak dikaitkan dengan kejumudan pemikiran, keganasan, kemunduran dan perkara negatif lain.

Lebih mustahak lagi beliau tegaskan yang iman dan takwa adalah asas kekuatan dalam mencari kebahagiaan dan kesejahteraan kemanusiaan. Oleh itu adalah tidak bertentangan dengan tuntutan agama untuk kita mencapai kemajuan dalam bidang sains dan teknologi.

Sememangnya dalam dunia global kita tidak dapat lari daripada menguasai ilmu agar kita tidak terpinggir ataupun dipinggirkan. Oleh itu saranan supaya kita semua meninggalkan kerja mengadu domba dan membuang masa dan terbabit dengan perbualan kosong.

Sebaliknya beliau mahukan Umno menjadi penggerak bangsa dan saranan beliau perlu diterima oleh ahli parti. Ucapan yang disampaikan pada majlis penerangan itu boleh kita manfaatkan untuk menggariskan satu wadah bagi mengubah sikap dan minda kita, supaya bangsa kita tidak tertinggal dalam arus perdana di dalam proses melahirkan bangsa Malaysia yang maju serta progresif tetapi tetap bermaruah dan dihormati.

* PENULIS, Datuk Seri Syed Hamid Albar adalah Menteri Luar.

(END) Source : Berita Harian